Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang
No. 01-02-01, Jalan Ahmad Nor, Pusat Dagangan Nova,
11600 Jelutong, Pulau Pinang

+6012-4010186
info@pydc.com.my
https://www.facebook.com.my/pydc.my
https://www.pydc.com.my/
https://www.youthforfuture.my/

ISBN 978-967-26747-1-9

9 789672 674719

Sidang Muda 2021

SIDANG MUDA

2021



Demokrasi · Aktivisme · Governan

Isi Kandungan

01 **Perutusan Ketua Menteri Pulau Pinang**
02 **Perutusan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**
03 **Perutusan EXCO Belia dan Sukan Pulau Pinang**
04 **Perutusan Pengurus Besar PYDC**
05 **Pengenalan**
07 Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC)
09 Sidang Muda 2021
10 Proses Sidang Muda 2021
11 **Proses dan Perjalanan Sidang Muda 2021**
13 Garis Masa Sidang Muda 2021
15 Bengkel Demokrat Muda
17 Bengkel Demokrat Muda Versi Maya 1.0
19 Bengkel Demokrat Muda Versi Maya 2.0
21 Bengkel Demokrat Muda Versi Maya 3.0
25 Bengkel Persediaan Sidang Muda
29 Sidang Muda 2021
33 Profil Ahli Sidang Muda 2021
57 Jawatankuasa Sidang Muda 2021
58 **Penghargaan**

YAB. TUAN CHOW KON YEOW

Perutusan Ketua Menteri Pulau Pinang



Tahniah dan syabas kepada 38 Ahli Sidang Muda yang sangat berani dalam menyahut cabaran untuk melangkah keluar dari zon selesa bagi menerokai peluang dan cabaran baharu dalam kehidupan.

Menyerupai persidangan Dewan Undangan Negeri yang sebenar, pentas Dewan Undangan Negeri (DUN) ini akan menjadi saksi kehebatan ahli-ahli Sidang Muda kita beraksi dan mengasah kemahiran berhujah mereka sebagai Ketua Menteri, Ahli EXCO, 'backbenchers' serta ahli pembangkang dalam mengupas isu-isu semasa dalam sesi soalan lisan, soalan perbahasan, dan ucapan penggulungan.

Setelah berhempas pulas dalam empat sesi yang diadakan sejak April yang lalu, Sidang Muda ialah kemuncak kepada pengorbanan, penat lelah, dan titik peluh mereka dalam mengharungi ujian kelayakan ini. Justeru, gunakanlah peluang dan ruang yang disediakan ini untuk menonjolkan bakat dan aksi cemerlang masing-masing, dan secara tidak langsung memberi pendedahan mengenai proses dan perjalanan dalam membuat dasar dan keputusan kerajaan.

Pentas Sidang Muda ini telah mendorong kepada satu fenomena baharu yang membuktikan bahawa belia sudah bersedia untuk menyumbang dalam pembangunan negara dan juga sebagai pemimpin masyarakat. Suara dan pendapat belia adalah penting dalam memeta hala tuju negeri dan negara. Persepsi ataupun stereotaip bahawa golongan belia tidak berminat dengan politik sudah tidak relevan pada masa kini.

Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kami sedar akan kepentingan peranan dan suara anak muda dalam menggerakkan aspirasi belia. Selaras dengan Visi Penang2030 – Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, kami merangka dan melipatgandakan pelbagai program dan inisiatif bagi tujuan menggalakkan penyertaan lebih ramai golongan belia supaya semua pihak yang terlibat dapat mendidik, membangun dan memperkasakan mereka ke arah pembangunan yang holistik.

Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pentas Sidang Muda 2021 ini. Adalah diharapkan usaha berterusan ini dapat mencari titik kesepakatan antara semua pihak yang terlibat dalam membawa arus kemodenan ini ke satu tahap yang lebih unggul.

Belia Untuk Masa Depan!
Youth For Future!

YB. DATO' LAW CHOO KIANG

Perutusan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang



Salam Sejahtera,

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) kerana telah dapat menerbitkan Majalah Sidang Muda tahun ini.

Golongan belia merupakan pelapis yang akan meneruskan dan menerajui negara. Tidak dapat dinafikan, perkembangan politik Malaysia kini semakin mencabar. Saya berpendapat sudah tiba masanya politik Malaysia memberi perhatian kepada generasi muda. Penglibatan golongan belia dalam bidang politik adalah amat penting kerana golongan inilah yang akan meneruskan kepimpinan politik dan pembangunan negara pada masa akan datang.

Oleh yang demikian, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) kerana telah menganjurkan Sidang Muda 2021 pada 30 Oktober 2021 dan melahirkan 38 orang Ahli Sidang Muda yang bersemangat dengan jayanya.

Penurunan kelayakan mengundi pada usia 18 tahun adalah momen yang sangat penting untuk negara. Saya yakin anjuran sidang muda dapat membantu negara melahirkan sudut pandangan baru mengenai senario politik dalam negara pada masa depan.

Justeru saya menyambut baik usaha Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dalam menerbitkan buku Sidang Muda tahun 2021 ini. Saya berharap agar suara dan kehendak Ahli Sidang Muda terus didengari dan huraian mereka dapat diberikan ruang untuk dipaparkan.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menerbitkan buku Sidang Muda ini.

Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SOON LIP CHEE



Perutusan EXCO Belia dan Sukan Pulau Pinang

Saya berasa sungguh terharu kerana dapat berjumpa dengan semua Ahli Sidang Muda secara bersemuka di dewan yang mulia ini, terutamanya ketika pandemik COVID-19 ini.

Penglibatan dan pendapat anak muda dalam bidang politik amatlah penting dalam pembangunan negara terutamanya untuk menjamin kestabilan negara yang bertunjangkan masyarakat majmuk. Walaupun sistem pendidikan formal memainkan peranan yang penting untuk melahirkan kematangan politik belia negara, namun sosialisasi belia dalam masyarakat arus perdana juga merupakan pelengkap kepada sistem pendidikan formal sedia ada bagi menghasilkan kematangan politik generasi belia negara.

Selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam visi Penang2030 bagi memperkasakan penyertaan sivik dan secara khususnya untuk menggalakkan penyertaan golongan belia dalam kehidupan masyarakat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan melalui pihak PYDC telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Sidang Muda setiap tahun sejak tahun 2015.

Selain daripada usaha Sidang Muda untuk menggalakkan penyertaan golongan belia, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah meluluskan had umur calon Ahli Dewan Undangan Negeri dari 21 tahun ke 18 tahun di persidangan DUN yang lepas. Ini merupakan satu usaha yang secara langsung dan signifikan bagus memberi peluang kepada golongan muda untuk melibatkan diri dalam bidang politik. Perkara ini juga sama seperti pelaksanaan Undi18 yang akan melibatkan golongan belia dalam menentukan dan mencorak lanskap politik yang diingini.

Saya berharap program ini mampu meningkatkan penyertaan belia dalam proses pembuatan keputusan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan mendapatkan persepsi belia berkenaan Pulau Pinang dan negara daripada segi politik, sosial dan ekonomi.

Akhir kata, saya berharap anda semua akan memasuki dewan yang mulia ini dengan gelaran Yang Berhormat yang diberi mandat oleh rakyat pada masa hadapan.

DR. GWEE SAI LING



Perutusan Pengurus Besar PYDC

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua Ahli Sidang Muda yang telah berjaya sampai ke peringkat ini, perjalanan ini bukanlah mudah.

Pelaksanaan program Sidang Muda 2021 merupakan satu cabaran yang baharu di mana kita semua perlu menyesuaikan diri dari aspek penganjuran serta penyertaan bengkel dalam kaedah norma-baharu. Perancangan asal adalah untuk mengadakan kesemuanya sesi Bengkel Demokrat Muda secara bersemuka, akan tetapi,hanya satu bengkel sahaja yang mampu dilaksanakan secara bersemuka pada bulan April, manakala, 3 lagi sesi bengkel telah ditukarkan secara maya.

Perjalanan untuk menjadi seorang Ahli Sidang Muda bukan mudah, Ahli Sidang Muda sekalian telah menyertai bengkel pembangunan kapasiti yang disediakan oleh pihak PYDC. Dari Bengkel Demokrat Muda sehingga Bengkel Persediaan Sidang Muda yang telah dijalankan. Saya percaya bahawa semua Ahli Sidang Muda telah pun melengkapkan diri dan bersedia untuk mengaplikasikan pengetahuan yang telah diperoleh dalam Persidangan Sidang Muda.

Sidang Muda tahun ini berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya. Tahun ini, persidangan akan dilangsungkan mengikuti perjalanan Sidang DUN yang sebenar dengan mengandungi Sesi Soalan Lisan dan Sesi Perbahasan serta akan dipengerusikan oleh YB. Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Ahli-ahli Sidang Muda yang beraksi sebagai EXCO Sidang Muda turut diberi peluang untuk merujuk kepada barisan EXCO Negeri Pulau Pinang bagi membincangkan isu semasa dan isu yang bakal dibangkitkan dalam persidangan Sidang Muda nanti. Ini merupakan peluang yang amat berharga bagi golongan belia untuk lebih memahami fungsi dan operasi serta dasar-dasar Kerajaan Negeri secara langsung.

Perbincangan dan perbahasan antara Ahli Sidang Muda bukan sahaja setakat di dewan yang mulia ini, malah semua perkara yang telah dikemukakan sepanjang persidangan akan dikumpulkan dan dihantarkan kepada pihak yang berkenaan untuk rujukan.

Akhir kata, semoga maju jaya kepada semua Ahli Sidang Muda yang bersidang di Persidangan Sidang Muda 2021.

Sekian, terima kasih.

01

PENGENALAN

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC)

PYDC

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) ditubuhkan pada 14 Mac 2012 dan merupakan sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang membantu merealisasikan visi secara kolektif untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah masyarakat maju dan progresif melalui pembangunan belia. Ia bertujuan untuk membangunkan golongan muda secara holistik, bekerjasama dengan belia untuk memperkuatkan mereka dari segi sosial dan perkembangan pendidikan, untuk membolehkan belia melaksanakan pengaruh mereka, menemui suara, dan kedudukan mereka dalam masyarakat dan mencapai potensi penuh dalam kehidupan.

VISI

Ke arah melahirkan belia yang berintegriti, kebolehpasaran dan berdaya saing.

MISI

Untuk mendidik, membangun dan memperkasakan belia ke arah pembangunan holistik.

"Belia Untuk Masa Depan"

Inisiatif ini dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah MMK Belia dan Sukan bagi membangunkan anak muda di Pulau Pinang dan melengkapkan mereka dengan pelbagai pengetahuan agar mereka sedia menghadapi cabaran masa depan serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Segi Pembangunan Ekonomi

- Keusahawanan
- Platform Kerjaya
- Bakat Digital
- Pemerkasaan Kemahiran Belia

Segi Pembangunan Sosial

- Penyertaan Sosial
- Kesukarelawanan
- Kesedaran Sivik
- Pembangunan Belia Luar Bandar

Segi Pembangunan Diri

- Daya Kepimpinan
- Bimbingan
- Pembangunan Kemahiran dan Minat Belia (Bakat, Seni dan Budaya)

Sidang Muda 2021



Sidang Muda merupakan program tahunan anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dengan sokongan Pejabat Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2015. Program ini merupakan satu siri latihan dan bengkel latihan pendemokrasian yang bertujuan untuk menekankan nilai kesedaran sivik, demokrasi dan kewarganegaraan dalam kalangan belia.

Secara umum, usaha pendidikan pendemokrasian dan pemerkasaan belia melalui program Sidang Muda sebenarnya telah bermula di Pulau Pinang sejak tahun 2010 lagi. Pada peringkat awal pelaksanaannya, program yang digerakkan oleh belia dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan seperti SUARAM serta sokongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini dikenali dengan nama Festival Demokrasi Tempatan.

Bermula dari penganjurannya sejak hampir satu dekad yang lalu, program pendidikan pendemokrasian yang kemudiannya lebih dikenali sebagai Sidang Muda telah melahirkan lebih daripada 500 orang alumni. Sebahagian daripada mereka kini merupakan aktivis sosial dan politik, malah ada juga yang menjawat jawatan sebagai Ahli Majlis dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri. Banyak daripada mereka juga kini terus berbakti kepada masyarakat melalui platform-platform yang berlainan.

Matlamat utama Sidang Muda adalah untuk melahirkan generasi muda yang celik politik dan sedar akan peranan serta tanggungjawab mereka dalam negara demokratik. Sebagai sebuah entiti yang bebas dari parti politik, Sidang Muda berhasrat untuk membentuk golongan muda Malaysia yang lebih aktif dalam politik dan hal ehwal pemerintahan negara. Satu matlamat yang jauh lebih besar daripada merekrut kader-kader parti politik.

Sidang Muda adalah satu wadah untuk menyahut seruan kerajaan. Setelah Malaysia memasuki era pemerintahan baharu pada Mei 2018, dengan matlamat untuk mereformasikan institusi dan ditambah pula dengan langkah baik kerajaan dengan menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun, Bengkel Demokrat Muda merasakan bahawa tugas untuk pendidikan pendemokrasian menjadi semakin penting.

Pelaksanaan program pendidikan pendemokrasian dan pemerkasaan belia yang dilakukan oleh Sidang Muda juga bersesuaian dengan matlamat kerajaan negeri Pulau Pinang dalam Visi Penang2030 iaitu untuk Memperkasakan Masyarakat Bagi Memperkukuhkan Penyertaan Sivik (Tema C). Dalam tema ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara khusus ingin menggalakkan lagi penyertaan belia dalam kehidupan masyarakat. Antara aspek penting yang ditekankan proses penggalakan ini adalah dengan memperkasakan organisasi-organisasi kemasyarakatan terutamanya dalam kalangan belia dan pelajar.

PROSES SIDANG MUDA 2021

Bengkel Demokrat Muda → Bengkel Persediaan Sidang Muda → Sidang Muda















PROSES DAN PERJALANAN SIDANG MUDA 2021

GARIS MASA SIDANG MUDA 2021

Sidang Media
Pelancaran Sidang Muda
22 Mac 2021



Bengkel Demokrat
Muda 1.0
9 - 11 April 2021



Bengkel Demokrat Muda
Versi Maya 1.0
10, 11 & 18 Julai 2021



Bengkel Demokrat Muda
Versi Maya 2.0
14, 15 & 21 Ogos 2021



Bengkel Demokrat Muda
Versi Maya 3.0
18, 19 & 25 September 2021



Bengkel Persediaan
Sidang Muda
16 & 17 Oktober 2021



Sidang Media Pengumuman Ahli
Sidang Muda
25 Oktober 2021



Sidang Muda
Pulau Pinang
30 Oktober 2021





Bengkel Demokrat Muda

Bengkel Demokrat Muda merupakan satu bengkel interaktif yang bertujuan untuk melengkapkan para belia dengan konsep dan idea teras politik dan demokrasi. Bengkel yang dijalankan sepanjang 3 hari ini memberi pendedahan mengenai nilai sivik yang meliputi kewarganegaraan *(citizenship)*, kesukarelawanan *(volunteerism)*, dan pemerkasaan komuniti *(community empowerment)*. Ia juga memberi kefahaman mengenai proses pembuatan keputusan di Malaysia dengan penekanan kepada konsep demokrasi perwakilan, kebertanggungjawaban dan ketelusan.

Bengkel Demokrat Muda telah dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang menyeluruh dan merangkumi sesi pembelajaran konsep dan teori asas demokrasi dan politik, sesi interaksi bersama pemimpin, serta satu simulasi sidang yang memberi peluang kepada para peserta beraksi sebagai ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk membahaskan usul.

Objektif

1. Memberi pendedahan mengenai nilai sivik yang meliputi kenegaraan, kewarganegaraan *(citizenship)* dan pemerkasaan komuniti *(community empowerment);*
2. Memupuk peserta dengan nilai pemikiran kritis, menyelesaikan masalah dan kepimpinan;
3. Melengkapkan anggota komuniti dengan kemampuan mengenal pasti, menganalisa dan mencadangkan penyelesaian masalah atau isu di peringkat komuniti; dan,
4. Meningkatkan kerjasama dan persefahaman antara komuniti dengan agensi kerajaan yang berkaitan, baik di peringkat kerajaan tempatan atau kerajaan negeri.

BENGKEL DEMOKRAT MUDA 1.0

Tarikh : 9 - 11 April 2021
Lokasi : Bayview Hotel Georgetown Penang
Disertai oleh 12 peserta

Bengkel Demokrat Muda yang pertama telah dibuka tirai secara rasmi pada 9 April 2021 bertempat di Bayview Hotel George Town Penang. Bengkel ini telah dijalankan sepanjang 3 hari 2 malam secara bersemuka. Sesi ini telah disertai oleh seramai 12 orang belia.

Sesi Interaksi Bersama Pemimpin

Pemimpin: YB Daniel Gooi Zi Sen, ADUN Pengkalan Kota

Untuk setiap sesi Bengkel Demokrat Muda, seorang pemimpin akan dijemput untuk berkongsi tentang perjalanan atau cerita beliau mengenai pengalaman di NGO, dan parti politik sebagai ahli politik dan juga seorang aktivis.

Untuk sesi ini, YB Daniel Gooi Zi Sen (ADUN Pengkalan Kota) telah dijemput untuk menghadiri Sesi Bersama Pemimpin. Isu hangat ketika itu turut sempat dibincangkan oleh peserta dan YB Daniel termasuklah isu vaksinasi.



Sesi Simulasi Sidang

Speaker: YB Chris Lee Chun Kit, ADUN Pulau Tikus

Untuk mengaplikasikan input dari sesi sebelum ini, satu sesi Simulasi Sidang telah diadakan pada hari ketiga. Ini telah memberi peluang kepada peserta untuk menimba pengalaman dan dapat didedahkan dengan proses membuat keputusan melalui mekanisme seperti Dewan Undangan Negeri.

YB Chris Lee Chun Kit (ADUN Pulau Tikus) telah hadir dan bertindak sebagai Speaker Simulasi tersebut. Para peserta telah membahaskan usul bertopik “Menyokong bahawa UNDI18 tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia.”





BENGKEL DEMOKRAT MUDA VERSI MAYA 1.0

Tarikh : 10, 11 & 18 Julai 2021
Disertai oleh 17 peserta

Buat pertama kalinya, Bengkel Demokrat Muda telah dilangsungkan secara maya. Perkara ini telah disebabkan oleh situasi pandemik semasa serta kekangan pelaksanaan aktiviti sosial.

Modul untuk bengkel tersebut telah disusun semula berdasarkan kaedah maya dan dilangsungkan selama 3 hari dalam tempoh 2 minggu.

Sesi Interaksi Bersama Pemimpin

Pemimpin: Pn. Siti Rahayu Baharin, Pengasas Bersama Parti Muda & Buku Jalanan Chow Kit

"Sudikah anda bekerja dengan masyarakat dan mengotorkan tangan anda tanpa kehadiran seorang media?", kata Siti Rahayu Baharin, pengasas bersama parti Muda dan pengasas bersama Buku Jalanan Chow Kit. Beliau telah dijemput untuk sesi interaksi bersama pemimpin pada hari kedua Bengkel Demokrat Muda.


Beliau telah melontarkan persoalan tersebut sebagai nasihat untuk peserta. Selain itu, beliau juga telah berkongsi kisah dan pengalaman beliau tentang perjalanan sebagai seorang pejuang hak pendidikan melalui inisiatif buku jalanan sampailah ke perjuangan di dunia politik.



Sesi Simulasi Sidang

Speaker: YB Chris Lee Chun Kit, ADUN Pulau Tikus

YB Chris Lee Chun Kit telah bertindak sebagai Speaker Simulasi untuk mempengerusikan simulasi tersebut. Dua usul yang telah dibincangkan dan dibahaskan pada Simulasi Sidang adalah "Menyokong bahawa UNDI18 tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia" dan "Menyokong bahawa Akta Anti Lompat Parti harus dikuatkuasakan di Malaysia"



BENGKEL DEMOKRAT MUDA VERSI MAYA 2.0

Tarikh : 14, 15 & 21 Ogos 2021

Disertai oleh 15 peserta

Sesi Interaksi Bersama Pemimpin

Pemimpin: YB Steven Sim, Ahli Parlimen Bukit Mertajam

Satu fakta menarik mengenai Undi 18; pada tahun 1971, cadangan Undi 18 pernah diusulkan di Dewan Rakyat oleh YB Lim Kit Siang yang berumur 30 tahun pada masa itu. Selepas hampir 40 tahun barulah usul tersebut diluluskan. YB Steven Sim menekankan bahawa ketabahan dan prinsip dalam arena politik amatlah penting.

“Politik adalah mengenai air paip bersih, makanan atas meja serta ruang untuk individu dan komuniti mencapai aspirasi mereka” kata YB Steven Sim, Ahli Parlimen Bukit Mertajam dan bekas Timbalan Menteri Belia dan Sukan.


Beliau telah dijemput untuk sesi Interaksi Bersama Pemimpin pada hari kedua. Beliau telah berkongsi tentang kepercayaan politik beliau sepanjang perjalanan di arena politik dan bagaimana politik itu mempengaruhi setiap titik kehidupan kita.

Sesi Simulasi Sidang

Pemimpin: YB Chris Lee Chun Kit, ADUN Pulau Tikus

Seramai 15 orang belia telah menjadi Yang Berhormat dan membahaskan dua usul pada Simulasi Sidang yang telah dilangsungkan pada hari terakhir bengkel tersebut. Bengkel tersebut juga telah dipengerusikan oleh YB Chris Lee. Antara usul yang dibincangkan adalah “Menyokong bahawa UNDI18 tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia”, dan “Usul larangan lompat parti sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai wakil rakyat”.

“Politik adalah hak setiap rakyat Malaysia. Hak untuk bersuara adalah hak setiap warga Malaysia. Kita mesti membawa suara itu kepada mereka yang memerintah.” Pesan YB Chris Lee Chun Kit kepada para peserta pada hari penutupan Simulasi Sidang Bengkel Demokrat Muda.



BENGKEL DEMOKRAT MUDA VERSI MAYA 3.0

Tarikh : 18, 19 & 25 September 2021
Disertai oleh 21 peserta

Sesi Interaksi Bersama Pemimpin
Pemimpin: YB Syerleena binti Abdul Rashid, ADUN Seri Delima


Akhirnya, Bengkel Demokrat Muda untuk tahun 2021 sudah sampai ke penghujungnya.


Pada sesi yang terakhir ini, YB Syerleena Abdul Rashid (ADUN Seri Delima) telah dijemput ke Sesi Interaksi Bersama Pemimpin untuk berkongsi pengalaman beliau sebagai wakil rakyat dan juga seorang aktivis sosial.

"Sebagai sebuah negara yang sedang berdepan dengan pandemik Covid-19 yang tiada penghujungnya. Tidak boleh dinafikan bahawa kita memerlukan golongan muda untuk bersama menyertai untuk membina semula negara yang kian parah akibat wabak ini. Dengan idea dan pandangan baharu oleh golongan muda, pembuatan dasar-dasar yang lebih baik mampu untuk memberikan manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya."

Beliau menekankan bahawa anak muda merupakan aset yang amat penting untuk pembangunan negara dari segi kreativiti dan inovasi.

"Sebagai asas pembentukan amalan demokrasi, mengundi merupakan tindakan asas penyertaan masyarakat umum khususnya belia dalam menentukan wakil kepimpinan mereka. Secara tidak langsung, undi adalah perlambangan yang dibuat oleh golongan belia agar suara dan hasrat mereka didengari."





Sesi Simulasi Sidang
Speaker: YB Chris Lee Chun Kit, ADUN Pulau Tikus

2 usul telah dibahas oleh 21 peserta pada Sesi Simulasi Sidang yang terakhir. Antara usul yang telah dibahaskan adalah "UNDI18 tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia" dan "Cadangan Kerajaan Negeri Menyediakan Pelan Tindakan Strategik Pasca-Pandemik yang Memberi Fokus terhadap Pemerkasaan Wanita dan Belia."

Kedua-dua usul tersebut telah dibincangkan oleh para peserta dari pelbagai sudut dan perspektif dalam memastikan perbincangan dilihat lebih komprehensif dan menyeluruh.

Sekalung penghargaan turut diucapkan kepada YB Chris Lee Chun Kit yang sudi meluangkan masa beliau untuk menjadi Speaker Simulasi Sidang bagi setiap sesi Bengkel Demokrat Muda 2021.




































Ringkasan untuk keseluruhan Bengkel Demokrat Muda 2021

"Perjalanan ini tidak akan berhenti setakat ini sahaja. Para alumni Bengkel Demokrat Muda akan terus diberi peluang untuk beraksi sebagai Ahli Sidang Muda di dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang!"








Bengkel Persediaan Sidang Muda 2021

Tarikh: 16 & 17 Oktober 2021

Selepas 4 sesi Bengkel Demokrat Muda telah selesai, peserta bengkel akan dinilai berdasarkan prestasi mereka sepanjang bengkel tersebut dijalankan. Aspek penilaian merangkumi pemahaman, pembentangan, kandungan, dinamik kumpulan serta penglibatan sepanjang bengkel. Akhirnya, 38 orang telah berjaya dipilih sebagai Ahli Sidang Muda.

38 Ahli Sidang Muda sudah bersedia untuk menyahut cabaran untuk bersidang di Dewan Undangan Negeri! Sebelum memasuki Dewan Undangan Negeri, satu Bengkel Persediaan Sidang Muda 2021 telah dianjurkan selama 2 hari secara maya untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang proses dan perjalanan Dewan Undangan Negeri, peranan dan tanggungjawab seorang EXCO ataupun backbencher serta sesi sumbang saran atas usul-usul yang telah dikemukakan.

Secara ringkasnya, Bengkel Persediaan Sidang Muda 2021 telah melengkapkan para Ahli Sidang Muda untuk bertindak dan beraksi di Persidangan Sidang Muda nanti.



Taklimat Perjalanan & Protokol Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Untuk melengkapkan para Ahli Sidang Muda dengan pengetahuan tentang proses serta perjalanan DUN dengan lebih lanjut, Encik Mohamad Radzi bin Razmi (Pembantu Tadbir Kanan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang) telah dijemput untuk memberi satu taklimat mengenai topik tersebut.

Beliau telah memberi penerangan tentang pengenalan DUN dari aspek proses penyediaan soalan DUN, proses persidangan DUN, peraturan-peraturan majlis mesyuarat dan sebagainya.



Bengkel Persediaan Sidang Muda 2021

Sesi Perkongsian EXCO

YB. Soon Lip Chee (EXCO Belia dan Sukan Pulau Pinang)

YB. Soon Lip Chee selaku Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang telah berkongsi mengenai pengalaman beliau sebagai seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau juga dikenali sebagai ahli EXCO.

Beliau turut berkongsi tentang inisiatif yang telah dilaksanakan untuk memperkasakan golongan belia dan juga membangunkan bidang sukan seperti inisiatif "Belia untuk Masa Depan" serta "Sukan untuk Semua". Peserta turut diberi gambaran mengenai proses DUN dan peranan EXCO yang mampu diimplikasikan semasa persidangan Sidang Muda.

Secara umumnya, peranan seorang Ahli EXCO adalah untuk menggubal perundangan dan dasar negeri yang berkaitan dengan portfolio masing-masing. Dalam kalangan Ahli Sidang Muda juga terdapat 11 orang yang dipilih sebagai ahli EXCO yang bertanggungjawab untuk menjawab soalan lisan yang telah dikemukakan oleh Ahli Sidang Muda.

Sesi Perkongsian ADUN

YB Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk)

Selepas perkongsian oleh YB. Soon Lip Chee, ADUN Machang Bubuk YB. Lee Khai Loon pula menyambung sesi tersebut dengan topik berkenaan peranan serta tanggungjawab sebagai wakil rakyat kawasan.

"Dari jalan raya ke pilihan raya, hanya melalui penyertaan mampu menjadi demokrasi berfungsi untuk semua."

Beliau memulakan perkongsiannya dengan titik permulaan perjalanan politik beliau dan seterusnya dengan kisah sebenar di sebalik gelaran Yang Berhormat.

YB Lee Khai Loon turut menyentuh tentang inisiatif pengumpulan pandangan daripada penduduk kawasan untuk persediaan soalan DUN. Beliau menyatakan bahawa penyertaan rakyat haruslah daripada pelbagai lapisan masyarakat, supaya suara rakyat akan didengar.


Pesanan YB Lee Khai Loon kepada anak muda adalah, sekiranya kita mempunyai idea yang tidak sempurna, kongsikan idea tersebut supaya perbincangan antara satu sama lain mampu menghasilkan idea yang lebih sempurna.



Sesi Perbincangan Usul

Untuk perbahasan dan perbincangan yang lebih berkualiti, para fasilitator mengulas semua usul yang telah dikemukakan oleh para peserta. Sebanyak 22 usul telah dikemukakan dan akhirnya 10 usul telah diterima mengikut portfolio masing-masing.

Para pencadang usul turut diberi peluang untuk menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai ideologi serta konsep di sebalik usul mereka yang bakal dibawa masuk ke Persidangan Sidang Muda. Fasilitator turut memberi komen dan cadangan penambahbaikkan untuk lagi mengukuhkan kandungan usul.





Sesi Simulasi Sidang Muda

Pemimpin: YB Daniel Gooi Zi Sen, ADUN Pengkalan Kota

Sesi ini telah dijalankan pada hari kedua bengkel. Implikasi konsep yang telah diterangkan semasa taklimat proses dan protokol DUN perlu diadakan.

Dalam sesi simulasi ini, para Ahli Sidang Muda akan memainkan peranan masing-masing sebagai EXCO, backbencher atau pembangkang untuk membiasakan diri dengan proses DUN. YB. Daniel Gooi turut hadir untuk beraksi sebagai Speaker Simulasi Sidang Muda bagi memberikan pendedahan dan bimbingan terhadap perkara yang bakal berlaku sepanjang persidangan dalam sesi soalan lisan dan sesi perbahasan usul.

Sidang Muda 2021

Tarikh : 30 Oktober 2021

Lokasi : Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Pengenalan Sidang Muda Pulau Pinang 2021

Persidangan Sidang Muda 2021 merupakan *Finale* untuk siri program Sidang Muda 2021 yang bermula sejak April 2021. Setelah 4 sesi Bengkel Demokrat Muda telah dijalankan dan 38 orang Ahli Sidang Muda telah dipilih untuk beraksi di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Persidangan Sidang Muda 2021 telah disusun semula dengan menjadikan perjalanan persidangan lebih serupa dengan persidangan DUN yang sebenar supaya para Ahli Sidang Muda mampu mengalami proses pembuat keputusan di peringkat Negeri dengan lebih tepat dan realistik. Persidangan Sidang Muda tahun ini telah dibahagikan kepada 2 sesi, iaitu Sesi Soalan Lisan dan Sesi Perbahasan

Objektif

a *Mendedahkan belia dengan perjalanan Dewan Undangan Negeri;*

b *Meningkatkan penyertaan belia dalam proses pembuatan keputusan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang;*

c *Mendapatkan persepsi belia berkenaan Pulau Pinang dan negara daripada segi politik, sosial dan ekonomi;*

d *Mengenal pasti nilai kepimpinan dalam kalangan belia Pulau Pinang.*



Perasmian Sidang Muda 2021

Akhirnya, tibalah masa Ahli Sidang Muda untuk beraksi, seramai 38 orang Ahli Sidang Muda yang terdiri daripada Ketua Menteri, Barisan EXCO, Backbencher dan Pembangkang telah hadir ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dengan penuh bersemangat untuk Persidangan Sidang Muda 2021. YAB. Chow Kon Yeow , Ketua Menteri Pulau Pinang turut akan hadir untuk merasmikan Sidang Muda 2021.

YAB. Chow mengatakan bahawa pentas Sidang Muda ini telah mendorong kepada suatu fenomena baru yang membuktikan bahawa belia sudah bersedia untuk menyumbang dalam pembangunan negara dan juga sebagai pemimpin masyarakat. Suara dan luahan belia adalah penting dalam memeta hala tuju negeri dan negara. Persepsi ataupun stereotaip bahawa golongan belia tidak berminat politik sudah tidak relevan pada masa kini. Syabas diucapkan kepada semua Ahli Sidang Muda yang sudi menyahut cabaran serta semua pihak yang terlibat untuk menjayakan pentas Sidang Muda 2021 ini.

Perasmian Persidangan Sidang Muda 2021

Persidangan didahului dengan bacaan doa yang dipimpin oleh pegawai PYDC dan seterusnya secara rasminya persidangan Sidang Muda 2021 telah dibuka tirai oleh YB. Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. YB. Dato' terdahulu dengan memberi penerangan serta penjelasan tentang perjalanan persidangan yang bakal berlangsung.



Sesi Soalan Lisan

Persidangan Sidang Muda 2021 dimulai dengan Sesi Soalan Lisan. Soalan-soalan lisan telah dihantar awal kepada urus setia Sidang Muda. Sebanyak 26 soalan lisan telah dikemukakan kepada 11 orang EXCO yang memegang portfolio masing-masing.

Untuk Sidang Muda pada tahun ini, Barisan EXCO Sidang Muda diberi peluang untuk membincang soalan-soalan yang diterima bersama pejabat EXCO untuk mendapat fakta dan angka untuk menyokong jawapan untuk soalan lisan yang telah ditanya. Soalan yang telah dikemukakan adalah amat menyeluruh dan melibatkan semua potfolio EXCO. Soalan merangkumi topik seperti E-sukan, projek Perumahan Mampu Milik, pemulihan sektor pelancongan, isu bunuh diri, masalah *underemployment & unemployment*, projek Penang South Island (PSI), Umur 18 Jadi Calon dan sebagainya. Para ahli Sidang Muda turut mengemukakan soalan tambahan selepas setiap soalan lisan dijawab. Soalan tambahan sebanyak tiga adalah dibenarkan seperti termaktub dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 26(5).

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kekangan masa, hanya sebanyak 12 soalan lisan sempat dijawab oleh barisan EXCO semasa Sesi Soalan Lisan yang berlangsung sepanjang sejam tiga puluh minit. Bagi jawapan soalan lisan yang lain turut disediakan secara bertulis dan diletakkan untuk rujukan setiap Ahli Sidang Muda.



Sesi Perbahasan Usul

Selesai sahaja Sesi Soalan Lisan, YB. Dato' Law memaklumkan kepada dewan bahawa persidangan akan diteruskan dengan Sesi Perbahasan Usul. Sesi Perbahasan Usul adalah sesi untuk Ahli Sidang Muda mengemukakan cadangan kepada dewan untuk membahas dan mendapatkan sokongan majoriti.

Sesi ini adalah amat dinanti-nantikan oleh para Ahli Sidang Muda kerana mereka telah membuat penyelidikan dan persediaan yang amat mencukupi dan sedia untuk melontarkan cadangan mereka di dewan yang mulia ini.

Sebanyak 11 usul telah dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan untuk penentuan urutan perbahasan.

Ahli Sidang Muda kawasan Padang Kota selaku EXCO Pembangunan Tanah & Ekonomi Dan Komunikasi saudara Tan Jia Yi telah mengemukakan usul yang amat menarik minat YB. Dato' Law dan juga turut relevan kepada semua wakil rakyat dan juga rakyat jelata yang berbunyi "Usul ini Mencadangkan Peruntukan Sama Rata Untuk Semua Wakil Rakyat dan Menyeragamkan Sistem Pengendalian Peruntukan". YB. Dato' Law telah membuka tirai Sesi Perbahasan Usul dengan usul tersebut. Saudara Tan Jia Yi menegaskan inilah cara untuk mempraktikkan demokrasi atas prinsip "Dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat." dalam mengendalikan sebuah kerajaan. Konsep ini telah diterima oleh majoriti daripada dewan tetapi masih mempunyai perbincangan tentang perincian implikasi dan pelaksanaan atas usul tersebut.


Sesi petang diteruskan dengan Sesi Perbahasan Usul. Ekoran daripada kelulusan penetapan kuota dua orang belia dalam keanggotaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Ahli Sidang Muda kawasan Bagan Jermal selaku EXCO Belia dan Sukan saudara Tan Wei Siang telah mencadangkan satu usul bahawa penetapan kuota belia ditingkatkan kepada 40% dalam pelantikan Ahli Majlis, Pegawai Kanan Tinggi serta MPKK di Pulau Pinang. "Penglibatan belia adalah tidak selaras dengan populasi belia", dibahaskan oleh beliau. Kuota tersebut turut dicadang untuk terbuka kepada belia wanita dan belia daripada golongan terpinggir untuk lagi merangkumi belia daripada latar belakang yang berbeza.

Lebih setahun kita berhadapan dengan wabak COVID-19, segala aspek kehidupan kita menerima dampaknya. Ahli Sidang Muda kawasan Batu Maung selaku EXCO Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan saudara Mohamad Aqriel Shawzan mengemukakan usul berkenaan dengan pelan tindakan strategik yang memberi fokus terhadap pemerkasaan wanita dan belia. Beliau menekankan untuk bangkit dan pulih daripada COVID-19 ini, kita perlu memberi fokus terhadap kemaslahatan para wanita dan belia melalui perangkaan pelan yang komprehensif.

Sesi diteruskan dengan usul yang dikemukakan oleh Ahli Sidang Muda kawasan Tanjong Bunga selaku EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan saudara Vijay Pillay mengenai cadangan untuk mewujudkan *response team* yang bertanggungjawab untuk meningkatkan kebolehupayaan pejalan kaki. Beliau percaya bahawa kebolehupayaan pejalan kaki merupakan salah satu elemen kelestarian yang dapat memberikan manfaat kepada negeri khususnya dari segi ekonomi, kesihatan dan kemapanan alam sekitar.

Sebagai penutup untuk Sesi Perbahasan Usul, YB. Dato' Law telah memberi laluan khas untuk pembentangan tentang satu usul yang berkaitan dengan satu keputusan yang telah dibuat pada satu hari sebelum persidangan Sidang Muda di Parlimen yang berkaitan dengan kemiskinan haid. Cadangan ini dikemukakan oleh Ketua Menteri selaku EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam saudari J. Karen Kasturi.

Secara keseluruhan, hanya 4 usul sahaja dapat dibahaskan dengan penuh dan 1 usul diberi laluan untuk bacaan kandungan. Walaupun cuma 5 usul yang dapat dikemukakan tetapi bagi usul lain telah dikumpulkan dan diberikan kepada pihak yang berkenaan sebagai cadangan dan rujukan lanjut.









AHLI SIDANG MUDA



J. Karen Kasturi
Ketua Menteri

Pembangunan Sosial dan
Hal Ehwal Bukan Islam

N15 Padang Lalang

Beliau merupakan pengasas dan presiden Pertubuhan Masyarakat Mesra Malaysia yang memberi fokus kepada isu kebajikan untuk golongan yang memerlukan.

Pengalaman Aktiviti Kesukarelawanan beliau termasuklah:
- Project Impian Sarawak
- Koordinator Impian Education Camp
- Sukarelawan bersama Kechara Soup Kitchen Society
- Kem Bina Diri Anak-anak Orang Asli di KKB

Beliau juga bergiat aktif dalam politik dan merupakan Ketua Komunikasi Wanita KEADILAN Selangor dan Kaukus Srikandi Keadilan Selangor, Parti Keadilan Rakyat.

"Pengalaman bersidang dan berbahas sebagai Ahli Sidang Muda telah membuka ruang dan peluang kepada saya untuk lebih celik politik dan memahami dengan lebih dalam mengenai sistem demokrasi dan peranan anak muda dalam politik mahupun pemerkasaan demokrasi dalam Negara. Saya juga merasakan Sidang Muda yang dianjurkan oleh PYDC adalah satu terjemahan kepada rasa yakin anak muda dalam penglibatan politik tanah air."



Tan Wei Siang
Timbalan Ketua Menteri 1

Belia dan Sukan

N08 Bagan Jermal

Beliau ialah penerima Biasiswa Tunku Abdul Rahman untuk melanjutkan pelajarannya dalam Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kejuruteraan Perisian di Asia Pacific University of Technology & Innovation.

Beliau aktif dalam aktiviti pengakap, advokasi, pemerkasaan belia dan komuniti. Beliau telah dianugerahkan sebagai Pengakap Raja pada tahun 2018 dan kini berkhidmat sebagai Penolong Pemimpin Kumpulan Pengakap George Town (Selatan) Ke-21.

Pada tahun 2020, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha MPKK Taman Free School dan pernah mewakili P50-Jelutong dalam Parlimen Digital. Beliau telah memulakan inisiatif Care For All dengan menganjurkan pertandingan esports untuk mengumpul dana dan kemudiannya membantu golongan yang memerlukan di seluruh Pulau Pinang.

"Bagi saya, pengalaman Sidang Muda kali ini amat luar biasa. Pertama kali wujudnya sesi soal lisan dan pembentangan lebih daripada 2 usul. Saya menyeru supaya anak-anak muda negeri melibatkan diri secara aktif dalam proses pembinaan negara semula dan penetapan dasar. Ini masa kita!"



Mohamad Aqriel Shazwan
Timbalan Ketua Menteri 2

Perdagangan Industri dan
Pembangunan Usahawan

N37 Batu Maung

Beliau sedang melanjutkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sains Politik) di Universiti Sains Malaysia.

Beliau juga banyak menyertai aktiviti komuniti setempat terutamanya yang melibatkan komuniti Muslim.

Beliau sangat berminat untuk mengupas isu politik semasa, diskusi ilmiah serta bahan bacaan ilmiah dan bersantai.

"Banyak pengalaman telah saya perolehi sepanjang Sidang Muda 2021 ini. Insya-Allah semua ini akan menjadikan saya sebagai seorang pemimpin kelak. Harapan saya adalah agar Sidang Muda ini diperkasakan lagi dan ditambah baik."



Tan Jia Yi

Pembangunan Tanah &
Ekonomi dan Komunikasi

N26 Padang Kota

Beliau sedang melanjutkan pengajian GCE A-Level dan juga merupakan seorang pelatih amali di Pusat Khidmat KADUN N25 Pulau Tikus.

Beliau mempunyai minat dalam perancangan dan penyelidikan dasar-dasar kerajaan.

Turut memberi perhatian kepada isu pembangunan lestari, ekonomi, pendidikan dan kebajikan kanak-kanak.

"Terima kasih atas peluang yang telah diberikan kepada saya menabur khidmat melalui Sidang Muda kepada negeri yang tercinta. Saya berasa amat syukur kerana dapat bekerjasama dengan Pejabat Ketua Menteri, Pejabat EXCO Pembangunan Tanah, Ekonomi dan Komunikasi serta beberapa lagi agensi kerajaan dan juga Ahli-ahli Sidang Muda yang lain dalam mengusahakan apa yang saya bangkitkan. Terima kasih semua!

#UntukNegeriKita #UntukPadangKotaKita"



N03 Pinang Tunggal

Beliau merupakan seorang pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek di Universiti Malaysia Pahang.

Beliau pernah menyertai Sidang Wanita Pulau Pinang pada tahun 2020 dan merupakan Ahli Parlimen Wanita Muda 2021 yang giat memperjuangkan pemerkasaan wanita.

Beliau juga merupakan seorang mahasiswa yang bergiat aktif di universiti dan memegang jawatan sebagai Timbalan Yang Dipertua 1 Majlis Perwakilan Pelajar.

Nurul Aina Binti Jamaluddin

Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasa Komuniti

"Menjadi salah seorang perwakilan bagi Sidang Muda Pulau Pinang 2021 yang mana disini menghimpunkan 38 belia dan anak muda Pulau Pinang yang hebat-hebat sememangnya menjadi satu pengalaman yang berharga. Disini, saya berpeluang untuk mengasah bakat saya dalam berbahas dan bersidang serta menambah lebih ramai kenalan dari seluruh pelosok negeri. Saya juga suka untuk mengajak rakan-rakan yang lain untuk turut sama menyertai Sidang Muda pada masa akan datang kerana ia banyak memberikan pendedahan kepada kita dari segi prosedur persidangan dan merasai sendiri pengalaman bersidang di dalam Dewan Undangan Negeri sebenar."



N16 Perai

Beliau merupakan Setiausaha Pemuda Parti Amanah Negara, kawasan Bukit Gelugor sejak tahun 2018 dan juga Setiausaha Kehormat Kawasan Rukun Tetangga, Taman Tun Sardon (A).

Beliau juga merupakan pengarah urusan, perunding dan jurutera bagi JS Pro Sounds Engineering Sdn Bhd.

Muhammad Amir Ganny

Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains dan Teknologi

"Pengalaman dan perasaan yang sangat mendalamkan kerana dapat menimba ilmu pengetahuan yang baru di dalam Dewan Undangan Negeri sebagai seorang Ahli Sidang Muda di mana yang kita lihat di dalam video sahaja sebelum ini di DUN yang sebenar. Turut bepeluang untuk bercampur dengan pelbagai ahli-ahli politik serta bertukar pandangan dan pendapat yang baik untuk Negeri Pulau Pinang.

Di dalam Sidang Muda juga kita dapat mempelajari tentang bagaimana hendak berbahasa dan menjawab soalan lisan dengan atur dan kemas serta mengikut garis panduan."



N29 Datok Keramat

Graduan dari USM dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan kini pelajar separuh masa dalam Ijazah Sarjana Kejuruteraan Bahan di USM.

Beliau juga merupakan seorang jurutera kanan dalam sektor pembuatan.
Beliau juga pernah menyertai program seperti Sukarelawan George Town Festival, Climb to Change a Life, Penang Yosakoi, Sukarelawan Belia PYDC dan sebagainya

Beliau turut aktif dalam aktiviti pembangunan sahsiah dan motivasi remaja.

Beliau amat suka untuk bergaul dengan masyarakat dari latar belakang yang berbeza serta bertukar pendapat/pandangan serta berkongsi pengalaman & pengetahuan.

Hong Jia Herh

Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa

"Sidang Muda 2021 memberikan pendedahan kepada saya tentang cara-cara menyedia, membawa, dan membahas usul dalam DUN. Saya teruja kerana dapat berpeluang untuk menyertai Sidang Muda 2021 dan saya telah mempelajari banyak perkara baharu dan berharap dapat memanfaatkan segala yang telah dipelajari kelak. Terima kasih diucapkan kepada PYDC atas penganjuran Sidang Muda 2021."



N07 Sungai Puyu

"Stop Protesting, Start Proposing and Acting"

Beliau merupakan seorang yang mengambil berat tentang apa-apa yang berlaku sama ada di dalam atau di luar negara kita dan sentiasa bertukar pendapat serta idea dengan rakan-rakannya tentang isu-isu hangat kontemporari.

Chang Zhao Xuan

Alam Sekitar dan Kebajikan

"Saya amat gembira dan bersyukur kerana diberikan peluang untuk menyertai Sidang Muda 2021. Melalui Sidang Muda 2021 ini, saya lebih mengenali proses-proses sebenar yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri. Sidang Muda ini juga memberikan saya satu platform untuk menyalurkan idea-idea saya tentang isu-isu semasa selain membolehkan saya berkenalan dengan rakan-rakan yang beraspirasi"



Vijay Pillay A/L Ravichandran

Infrastruktur dan Pengangkutan

N22 Tanjong Bunga

Sidang Muda sememangnya telah membuka pintu kepada saya untuk mengasah bakat dan menjadi lebih celik politik."

Beliau merupakan graduan dari University of London dalam Ijazah Sarjana Muda Undang-undang. Sekarang berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada YB Zairil Khir Johari.

"Kejayaan Sidang Muda anjuran PYDC telah membuka ruang untuk anak-anak muda mengangkat dan membahas isu-isu semasa secara konstruktif. Sidang Muda ini bukan sahaja berjaya meningkatkan keyakinan diri saya dalam memikul tanggungjawab sebagai seorang EXCO, malah memberi peluang kepada saya untuk mengenali lebih ramai 'like-minded youths' yang menjadi penentu trajektori masa depan negara!"



Ng Zhen Feng

Pelancongan dan Ekonomi Kreatif

N34 Paya Terubong

Beliau seorang pelajar yang sedang belajar di SMK St. Mark yang mempunyai minat dalam politik dan sejarah negara.

Beliau mempunyai pengalaman sukarelawan dalam pelbagai aktiviti.

"Sidang Muda merupakan wadah yang sangat baik untuk anak muda menyertai politik dan pembangunan negara. Saya berharap kerajaan negeri dapat menganjurkan lebih banyak aktiviti untuk melatih anak muda menjadi pemimpin negara. Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur dan kerajaan negeri kerana menyokong golongan muda untuk menyertai politik."



PreetSimran Kaur A/P Balbir Singh

Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan

N12 Penanti

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam Perundangan dari Northumbria University di Newcastle, UK dan mempunyai Ijazah Sarjana dalam Perundangan serta sedang menunggu keputusan akhir dalam Latihan Perundangan (Bar Training Course) daripada BPP University, Birmingham, UK.

Beliau juga merupakan Ahli dalam Parlimen Muda Wanita, Gerakan Sikh Se-Belia Malaysia dan memegang jawatan sebagai Biro Pemerkasaan Wanita dan Belia Muda Bukit Bendera, Pulau Pinang.

"Saya berasa kagum apabila melihat suasana di Dewan Undangan Negeri dan ia adalah pengalaman yang mendebarkan dan hebat yang menggalakkan golongan belia untuk melibatkan diri lebih dalam politik, sekali gus menyuarakan pendapat mereka. Sidang Muda merupakan salah satu inisiatif yang terbaik yang dilakukan oleh pasukan PYDC. Kudos kepada mereka."



Mohamad Danish Bin Mohd Amirrudin

N01 Penaga

Beliau sedang menyambung pengajian di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dalam bidang Diploma Undang-undang dan turut terlibat secara aktif dalam Kor SISPA di KUIM sebagai pengerusi.

Beliau juga pernah menyertai Rakan Siswa YADIM (RSY) di KUIM sebagai Exco Sukan dan Keseniaan.

Futsal merupakan hobi beliau dan juga merupakan peminat kepada pasukan Penang FC dan Liverpool.

"Banyak pengalaman yang telah saya perolehi sepanjang sesi Sidang Muda 2021 ini. Insya-Allah semua ini akan menjadikan saya sebagai seorang pemimpin kelak. Harapan saya adalah agar Sidang Muda ini diperkasakan lagi dan ditambah baik."



Ooi Mei Mei

N02 Bertam

Berkemahiran dan berdedikasi yang cemerlang dalam menyelaras, menyokong fungsi dan pentadbiran harian. Berkomitmen untuk memberi hasil yang berkualiti tinggi dengan sedikit pengawasan dan kerjaya aspirefora yang akan memberikan saya peluang untuk meneruskan pertumbuhan.

Seorang aktivis muda dan juga merupakan Setiausaha Agung bagi Young Democrats Malaysia dan Biro Pendidikan AMK Malaysia.

"Meninjau kembali situasi Sidang Muda dijalankan.
Peluang menyertai Sidang Muda sangat berharga kerana berpeluang menjadi " YB Sehari". Pengalaman ini membuatkan saya sedar betapa pentingnya tanggungjawab seorang wakil rakyat kepada rakyat selain mengotakan apa yang dijanjikan kepada mereka. Selain perlu membuat kajian terhadap isu-isu dalam masa singkat, sidang ini juga telah meningkatkan keyakinan saya dalam pengucapan awam. Sidang ini juga telah melahirkan "Mei Mei" yang baharu dengan penuh pengalaman dan ilmu yang sangat berguna. Saya bangga bergelar alumni Sidang Muda Pulau Pinang. Suara kita, suara muda, suara rakyat! Doakan sayap anak-anak Muda Pulau Pinang terbang tinggi."



Jack Mooi

N04 Permatang Berangan

Beliau sedang melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda dalam Decision Science di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pengalaman aktiviti sosial dan kesukarelawan beliau termasuklah:
- Vice President (Leadership UUM)
- Head of Department in Research and Education
(Bursa Young Investor Club, BYIC UUM)
- Assistant Head of Department in Academic and Training
(Finance and Banking Society, FABS UUM)

Beliau juga berminat dalam cafe hunting, lawatan muzium dan tempat bersejarah dan membaca bahan pelaburan.

"Saya mempelajari bahawa saya dapat membuat keputusan dengan rasional dan tidak mengikuti emosi saya. Saya bangga sebab diberi peluang untuk belajar ilmu baru di Sidang Muda 2021"



Raymond Phang Kar Ghee

N05 Sungai Dua

Beliau adalah alumni Bengkel Demokrat Versi Maya 1.0.

Merupakan seorang graduan dari University of London dalam Sarjana Muda Undang-undang, beliau berminat dalam aktiviti sukan terutamanya bola keranjang.

"Sepanjang penyertaan saya dalam Sidang Muda 2021 sebagai pihak pembangkang, saya telah berpeluang untuk menyaksikan banyak bakat-bakat muda yang berpotensi tinggi.

Secara rendah diri, saya berharap agar kita dapat bekerjasama dalam masa hadapan dalam usaha untuk mewujudkan prospek yang lebih cerah bagi negeri dan negara kita.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan taniah kepada pihak PYDC dalam usaha mereka untuk menjayakan Sidang Muda 2021."



Ng Tian Liang

N09 Bagan Dalam

Beliau merupakan seorang pelajar yang sedang belajar di Sekolah Menengah Chung Ling (Persendirian).

Beliau juga berkhidmat sebagai Naib Bendahari bagi GBBM Negeri Pulau Pinang dan Setiausaha bagi GBBM Cawangan Balik Pulau.

Beliau mempunyai minat dalam urusan sivik, aktiviti sosial dan juga hak belia.

"Bak kata pepatah, anak muda adalah tonggak masa depan, tetapi saya fikir anak muda kini adalah pemimpin negara."



Nur Shafinaz Binti Mohamed Rafiq

N10 Seberang Jaya

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial bermajorkan Sains Politik di Universiti Sains Malaysia.

Beliau bergiat aktif dalam persatuan sukan dan meminati sukan Floorball, berlari, jogging serta bersenam.

Beliau juga berminat dalam menganalisis dan mempelajari tentang sistem demokrasi.

"Saya amat teruja kerana telah diberi peluang melibatkan diri dalam sesi perbahasan dan merasa tanggungjawab sebagai seorang ADUN bagi membawa suara rakyat. Sepanjang Sidang Muda 2021, saya mengenal pasti betapa pentingnya untuk seorang ADUN mempunyai kebolehan untuk berfikir secara kritikal, menyoal dengan baik dan berbahas secara intelektual bukan hanya bersifat provokasi."



Kok Boon Chen

N11 Permatang Pasir

Berasal dari Perai, Seberang Jaya, Pulau Pinang. Beliau merupakan seorang pelajar tahun 1 Sarjana Muda jurusan seni bina di Universiti Tunku Abdul Rahman. Beliau merupakan seorang individu yang suka mencari penyelesaian dan penambahbaikan dalam sesuatu masalah dengan menyertai pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kemahiran diri untuk berfikir secara kritikal.

"Sidang Muda 2021 juga merupakan aktiviti yang telah dinanti-nantikan oleh saya. Ia merupakan satu peluang yang baik untuk warga belia di Negeri Pulau Pinang untuk menyuarakan pendapat mereka dan terus meningkatkan kemakmuran dan kebahagiaan semua warga negeri."



K. Mukesh Kumar

N13 Berapit

Beliau diangkat sebagai setiausaha DAPSY Parlimen Bukit Gelugor.

Beliau turut menyertai Malaysia Tamilar Kural yang mengutamakan kerja kebajikan sebelum dan semasa COVID-19 dan juga melibatkan diri bersama MOVAK untuk aktiviti vaksinasi dan PYDC untuk aktiviti kesukarelaan.

Beliau juga minat untuk melakukan kerja sosial dan kebajikan serta mempunyai hobi bermain badminton, bola sepak, berkebun dan membaca.

"Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada EXCO belia dan sukan YB Soon Lip Chee untuk memberi peruntukan kepada PYDC untuk menjalankan program Democrat muda dan Sidang Muda pada setiap tahun. Tidak lupa juga pihak PYDC dan team menjalankan program dengan berjaya. Sidang muda memberi peluang dan pengetahuan kepada belia di Pulau Pinang untuk belajar lebih mendalam dalam bidang politik dan kerajaan negeri. Ia juga memberi ramai belia untuk menceburi dalam bidang politik, dan juga dapat bekerjasama dengan ADUN.
Belia untuk negeri, belia untuk masa hadapan"



Mohd Firdaus Danial Anuar

N14 Machang Bubuk

Berasal dari Tanjung Tokong, George Town, beliau telah melibatkan diri secara aktif dalam NGO.

Penglibatan beliau termasuk dalam Angkatan Belia Malaysia Future Leader School, Young Democrats dan Persatuan Belia Dinamik.

Beliau juga menyalurkan bantuan atas aktiviti kesukarelawan seperti pengagihan bantuan bakul makanan bersama YB kawasan.

"Saya berasa gembira kerana dapat mempelajari banyak perkara berkenaan pentadbiran. Sidang Muda merupakan antara wadah terbaik bagi mendedahkan anak-anak muda terhadap bidang politik, kenegaraan dan pentadbiran. Saya percaya melalui Sidang Muda ini, negeri Pulau Pinang dapat mempersiapkan anak-anak muda yang bakal mengemudi bahtera negara ke arah yang lebih cemerlang."



Ong Jing Mian

N17 Bukit Tengah

Beliau sedang melanjutkan double degree dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Perniagaan di Swinburne University of Technology Sarawak.

Beliau juga telah melibatkan diri dengan aktif dalam peranan kepimpinan di Universiti dan mempunyai dalam aktiviti sukarelawan.

"The youth of today are the leaders of tomorrow - Nelson Mandela"



Ng Chun Wei

N18 Bukit Tambun

Beliau sedang melanjutkan pelajaran Ijazah Pertama dalam bidang New Media & Advertising.

Belia juga seorang ahli di MPKK Lebuh Chulia yang mengambil jawatan sebagai Biro Kebajikan & Kesukarelawanan.

Beliau mempunyai keinginan untuk mempelajari dengan lebih mendalam mengenai dasar-dasar kerajaan.

"Pengalaman yang tidak dapat dilupakan yang telah mendalami dalam kehidupan saya pada masa akan datang. Syabas PYDC dan terima kasih kepada pasukan yang di sebalik semua ini!"



Tan Kean Tatt

N19 Jawi

Seorang pemuda yang berjuang untuk suara anak muda, hak kebebasan dan muafakat untuk semua kaum. Seorang aktivis muda, Setiausaha Publisiti DAPSY Bukit Bendera, Setiausaha MPKK Bangkok Lane dan lain-lain.

Anak muda harus dijaga dan diberi peluang kerana merekalah penentu masa depan negara kita. Ini adalah masanya untuk Sidang Muda 2021 membawakan suara anak muda yang terdiri daripada 23% penduduk Malaysia.

"Sidang Muda telah memberikan peluang kepada saya untuk lebih mendalami proses perundangan dan peluang ataupun platform kepada anak muda untuk mengeluarkan suara mereka. Semasa persidangan, kami perlu menjalankan tanggungjawab kami dan mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang serupa dengan perbahasan dewan yang sebenar, satu pengalaman yang baik dan dikenangkan."



Dhurgesswaran A/L Veeran

N21 Sungai Acheh

Berasal dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang, beliau merupakan pelajar tahun kedua Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang di Universiti Malaya. Beliau juga suka untuk mencabar diri dengan menyertai pelbagai aktiviti untuk meningkatkan nilai kendiri.

Sidang Muda 2021 juga merupakan salah satu aktiviti yang dinanti-nantikan oleh beliau. Ia merupakan satu peluang yang cukup baik untuk belia di negeri Pulau Pinang untuk menyuarakan pendapat dan terus meningkatkan kemakmuran negeri.

"Ini merupakan aktiviti yang dinanti-nantikan oleh saya sebab ia merupakan satu peluang yang amat bagus kepada belia untuk mengutarakan pendapat dan pandangan kendiri. Saya juga amat bertuah kerana telah terpilih sebagai Ketua Pembangkang dan dapat mengetuai kumpulan pembangkang untuk memastikan semak dan imbang bagi setiap usul dilaksanakan dengan baik."



Muhammad Ibrahim Khalili

N23 Air Putih

Berasal dari Sungai Petani, Kedah, Muhammad Ibrahim ialah seorang graduan Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) di Universiti Sains Malaysia.

Beliau merupakan Setiausaha Amanah Cawangan Sri Bertam dan AJK Amanah Kawasan Kepala Batas.

"Perasaan gembira sepanjang program. Banyak benda baharu yang dipelajari. Harap program sebegini di teruskan lagi pada masa akan datang. Saya juga berharap supaya ada lagi program lain selepas ini. Terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat"



Lim Wei Qian

N24 Kebun Bunga

Beliau sedang melanjutkan Ijazah Sarjana Muda di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman dalam bidang Perbankan dan Kewangan.

Beliau berpengalaman dalam aktiviti pelajar yang melibatkan isu-isu kampus seperti yuran kolej dan pilihan raya perwakilan pelajar. Bagi beliau, isu-isu sosial juga harus menjadi perhatian semua supaya dapat diselesaikan oleh kita.

Beliau juga seorang pereka grafik sukarelawan dalam sebuah organisasi aktivis pelajar yang menghasilkan gambar-gambar tentang maklumat terkini.

Minat dan hobi beliau adalah membaca dan menonton bahan-bahan tentang bidang aeroangkasa dan teknologi.

"Saya berasa amat gembira kerana mempunyai peluang untuk melawat ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang saya tidak pernah lawat. Dalam sidang ini, saya lebih memahami tentang cara program yang akan dijalankan seperti sesi soalan lisan dan sesi perbahasan. Saya juga telah menambah ilmu pengetahuan diri daripada usul-usul yang dibahas oleh para peserta. Oleh itu, saya akan menyeru kawan-kawan saya untuk menyertai Sidang Muda yang begitu makna ini pada masa depan"



Lim Zheng Han

N25 Pulau Tikus

Beliau bertugas sebagai salah seorang pegawai pembantu bahagian Kewarganegaraan di KOMTAR.

Selain daripada itu, beliau juga ialah seorang jurulatih olahraga yang sah dan sedang membantu MSN Pulau Pinang dalam bidang pembangunan atlet.

Isu-isu seperti kewarganegaraan dan sukan yang ditimbulkan oleh sebab dasar di Malaysia menjadi perhatian utama beliau.

Beliau berharap dapat berkongsi sedikit pandangan pakar kepada orang awam melalui Sidang Muda ini.

"Saya rasa sangat gembira dan bangga sebab dapat tahu banyak kawan. Oleh itu kalau masih ada sidang seterusnya , Saya akan tarik diri supaya boleh memberi peluang untuk orang lain melibatkan diri dalam event yang begitu makna ini."



Tan Chor Lim

N27 Pengkalan Kota

Beliau merupakan Setiausaha Organisasi bagi DAPSY Tanjong.

Selain itu, beliau turut memegang beberapa jawatan di organisasi seperti berikut:
- Naib Pengerusi Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM) Penang Liaison Committee
- Penolong Setiausaha Agong Pu Ai Community Service Centre
- Ketua Biro Kebajikan Pemuda Persekutuan Persatuan-persatuan Chen (Tan) Malaysia
- Ketua Pemuda Chong Beng Seah Tan Si Chong Soo
- Ahli Dewan Tertinggi Majlis Belia Negeri Pulau Pinang

"Ini merupakan satu pengalaman yang luar biasa untuk saya. Melalui Sidang Muda 2021, saya lebih memahami tanggungjawab seorang YB dan cara mereka berbahas dalam dewan. Banyak pengetahuan yang telah dipelajari melalui Sidang Muda 2021. Saya menyeru kepada anak muda untuk mengambil bahagian dalam sidang yang akan datang. Memang anda akan cakap "bestnya, Sidang Muda!"



Adrian Hor Kar Sern

N28 Komtar

Beliau memegang jawatan pengerusi bagi DAP Cawangan Nagore Road, bendahari bagi DAPSY Tanjong dan juga MPKK Taman Trafik.

Beliau juga bertugas sebagai pengerusi untuk Tri Pinnacle Condo JMB.

"Sepanjang Sidang Muda ini, banyak yang saya telah pelajari justeru saya amat menghargai usaha dan dedikasi ahli politik dalam bidang ini. Sebagai seorang belia, saya percaya bahawa belia mampu membawa perubahan dan mengubah dunia ini. Marilah kita semua berkumpul dan membentuk kekuatan dengan menggabungkan teknologi, pengetahuan dan idea kreatif untuk Pulau Pinang yang lebih baik."



Liew Yun Ting

N30 Sungai Pinang

"Bersemangat dalam mewujudkan kesan positif kepada dunia!"

Beliau merupakan seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa di UUM.

Beliau telah mengambil 'Gap Year' dan menjadi sukarelawan di AIESEC di Thailand sebagai Naib Presiden Jawatankuasa Ahli.

Beliau sekarang sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat kedua dalam bidang Undang-Undang (LLB) sambil bekerja sebagai perancang insuran.

"Menyertai Sidang Muda 2021 adalah salah satu memori yang amat istimewa. Dalam program tersebut, saya dapat mengetahui macam mana ahli-ahli DUN berbahas untuk menyuarakan isu-isu yang dihadapi oleh para penduduk Pulau Pinang. Program tersebut memang sesuai kepada para pemuda kerana perkara ini boleh memberi inspirasi supaya mereka menjadi lebih aktif dalam politik dan lebih memahami isu-isu terkini."



Tan Chee Khuan

N31 Batu Lancang

Beliau ialah pegawai seranta Pusat Khidmat KADUN Komtar dan memegang jawatan sebagai Setiausaha Publisiti DAPSY Tanjong.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera Bahasa Jerman di Universiti Putra Malaysia, beliau telah melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan memegang jawatan sebagai Setiausaha untuk Projek Survive with Dignity yang dimulakan oleh Honorary Consulate of Hungary.

"Terima kasih kepada PYDC atas penganjuran program Sidang Muda yang memanfaatkan anak muda!"



Koay Yi Hang

N32 Seri Delima

Graduan dari Sekolah Menengah Chung Ling (Persendirian) dan sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dalam Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Akauntansi.

Beliau merupakan Naib Pengerusi GBBM Negeri Pulau Pinang, Pengerusi GBBM Cawangan Balik Pulau serta Juruaudit bagi Pertubuhan TUPO.

Beliau juga mempunyai minat dalam aktiviti sosial dan juga eSukan.

"Menyertai Sidang Muda 2021 adalah kenangan yang tidak dapat dilupakan. Pada hari ini, kami semua berpeluang untuk menjadi ADUN Pulau Pinang, membahaskan topik di dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang demi negeri dan negara yang tercinta. Ini juga memberi saya pemahaman tertentu tentang kerjaya politik. Memberi sumbangan kepada masyarakat dan berkhidmat kepada rakyat adalah perkara yang harus dilakukan oleh seorang ahli politik. Saya berharap dengan penyertaan anak muda, Malaysia akan menjadi lebih baik dan lebih progresif pada masa hadapan!"



Husna binti Rosli

N33 Air Itam

Malaysia memerlukan bukan sekadar suara dan potensi anak muda, malah seseorang yang teguh jati dirinya, dan bekerja keras membangunkan negara ini tanpa bergantung kepada kuasa luar malah berimpian menjadi kuasa nasional.

"Saya berasa amat gembira dan berbesar hati kerana berpeluang memasuki Dewan Undangan Negeri mendengar usul, ulasan dan pendapat golongan anak muda Pulau Pinang yang hebat-hebat belaka demi kebaikan rakyat Negeri Pulau Pinang. Dengan adanya peluang sebegini, golongan anak muda dapat mengetengahkan pandangan dan menyuarakan pendapat mahupun idea-idea baru agar Rakyat Negeri Pulau Pinang menjadi lebih maju dimasa hadapan dan taraf kehidupan rakyat dapat dipertingkatkan dengan adanya program-program seperti keusahawanan, seminar pengurusan kewangan dan sebagainya lagi. Oleh yang demikian, Program sebegini haruslah diteruskan setiap tahun bagi memupuk semangat dan inspirasi baru untuk kemajuan Negeri."



Dennis Ong Yong Sheng

N35 Batu Uban

Alumni peserta Bengkel Demokrat Muda 1.0.

Beliau sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembangunan Produk) dan juga seorang peminat sukan dan suka mendaki.

Pengalaman aktiviti kesukarelawanan termasuk:
- Aktiviti penempatan semula dan gotong-royong
- Aktiviti Lawatan Rumah di Flat Padang Tembak
- Aktiviti Pembersihan sekitar Pantai Kerachut

"Sidang Muda ini merupakan platform yang sesuai untuk golongan belia menyertai arena politik dan berkongsi pendapat masing-masing untuk membangunkan negeri dan negara kita ke arah yang lebih cemerlang. Disini saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada PYDC atas usaha mereka untuk mengadakan Sidang Muda 2021."



Siti Aeisyah Amirah
binti Mohamad Fauzi

N36 Pantai Jerejak

Sejak dari kecil, beliau didedahkan dengan persekitaran politik dan secara tidak langsung, minatnya dalam bidang politik semakin menebal dari hari ke hari.

Menyentuh mengenai anak muda, saya tidak bersetuju apabila ada yang mengatakan bahawa anak muda merupakan pemimpin masa hadapan negara tetapi, anak muda merupakan seorang pemimpin pada masa dahulu, kini dan juga masa hadapan negara. Selain itu, kita tidak boleh mengukur anak muda hanya melalui angka semata-mata tetapi, harus dilihat pada idealism yang dilontarkan.

"Melalui Sidang Muda ini, saya dapat melihat bahawa ramai anak-anak muda yang sebenarnya berminat dalam menceburkan diri atau mengambil bahagian dalam bidang politik. Hal ini merupakan perkara yang perlu dibanggakan oleh seluruh rakyat tidak kira umur, bangsa dan agama. Dan saya yakin, melalui platform Sidang Muda ini, suara anak-anak muda akan lebih didengari oleh seluruh rakyat Malaysia khususnya pemimpin-pemimpin di negara kita."



Muhammad Danial Alimin

N38 Bayan Lepas

Beliau berusia 21 tahun dan merupakan seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kaunseling di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Beliau terlibat dengan NGO sejak berumur 13 tahun. Antara NGO yang beliau pernah terlibat adalah Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan beberapa lagi NGO sehingga hari ini. Beliau juga pernah terlibat dengan pelbagai misi bantuan di seluruh Malaysia. Pada masa yang sama juga, beliau turut memberikan seminar berkaitan kepimpinan dan motivasi di sekolah-sekolah.

"Saya merasa bersyukur kerana diberi peluang oleh PYDC untuk menjadi sebahagian daripada Ahli Sidang Muda 2021, Banyak pengalaman yang diperoleh dan pelbagai kemahiran yang saya pelajari dari koordinator dan juga ahli sidang yang lain. Saya berharap agar lebih ramai anak muda Pulau Pinang yang akan menyertai program-program anjuran PYDC khususnya Sidang Muda."



Revan A/L R.Kanan

N39 Pulau Betong

Beliau merupakan graduan dari Universiti Malaysia Sabah dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Sejarah).

Beliau turut melibatkan diri dengan aktiviti sosial semasa menuntut di UMS. Beliau pernah menjadi Exco Kebajikan dan Khidmat Siswa bagi Persatuan Mahasiswa Sains Sosial dan Seni serta Sekretariat Exco Kebajikan dan Khidmat Siswa Majlis Perwakilan Pelajar.

Beliau juga melibatkan diri dengan Pertubuhan Pemuda Gema Pulau Pinang dan memegang jawatan sebagai Exco.

Beliau turut memberikan perhatian kepada isu pembangunan lestari, ekonomi, pendidikan dan kebajikan kanak-kanak.

"Sidang muda ini menjadi platform yang penting untuk mencungkil bakat kepimpinan dalam diri saya. Di samping itu, program ini turut memberi pendedahan kepada saya tentang sistem demokrasi sesebuah negara. Selain itu, sidang muda turut memberi peluang kepada golongan belia Di Pulau Pinang untuk melibatkan diri dalam penggubalan dasar-dasar negeri."



Syamimi Rosli

N40 Telok Bahang

Beliau merupakan seorang mahasiswi tahun ketiga di USM Pulau Pinang bagi jurusan Sains Politik.

Beliau juga merupakan seorang peserta Perwakilan Parlimen Wanita Muda mewakili P049 Tanjong, Ahli Majlis Pimpinan Pusat Mahasiswa Keadilan Malaysia, Srikandi Pulau Pinang, Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga DUN Seberang Jaya.

Beliau juga pernah terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan sebagai salah seorang Sukarelawan Belia PYDC. Mempunyai minat ke arah politik dan sastera dan suka membaca, Syamimi juga merupakan seorang penulis cerpen dan puisi untuk Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Saya berasa bersyukur kerana terpilih menjadi Ahli Sidang Muda pada tahun 2021 walaupun berdepan dengan kekangan dan menghadiri bengkel secara atas talian. Pengalaman dan dapatan saya sepanjang sidang ini adalah pelbagai perkara yang diperolehi khususnya dalam penyediaan usul, perbahasan dan soalan dewan. Dari hubungan saya dapat berkenalan dengan para peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang."



KEDUDUKAN AHLI SIDANG MUDA 2021

PENANG YOUTH DEVELOPMENT CORPORATION

MOHD FIRDAUS DANIAL ANUAR
N14 MACHANG BUBUK

LIEW YUN TING
N30 SUNGAI PINANG

TAN CHEE KHUAN
N31 BATU LANCANG

ADRIAN HOR
N28 KOMTAR

ONG JING MIAN
N17 BUKIT TENGAH

SITI AEISYAH AMIRAH BINTI MOHAMAD FAUZI
N36 PANTAI JEREJAK

MUHAMMAD IBRAHIM KHALILI
N23 AIR PUTIH

DENNIS ONG YONG SHENG
N35 BATU UBAN

LIM ZHENG HAN
N25 PULAU TIKUS

TAN KEAN TATT
N19 JAWI

LIM WEI QIAN
N24 KEBUN BUNGA

NG TIAN LIANG
N09 BAGAN DALAM

NURUL AINA BINTI JAMALUDDIN
N03 PINANG TUNGGAL

PREETSIMRAN KAUR BALBIR SINGH
N12 PENANTI

REVAN A/L R.KANAN
N39 PULAU BETONG

MUHAMMAD DANIAL ALIMIN
N38 BAYAN LEPAS

KOAY YI HANG
N32 SERI DELIMA

NUR SHAFINAZ BINTI MOHAMED RAFIQ
N10 SEBERANG JAYA

MOHAMAD AQRIEL SHAZWAN
N37 BATU MAUNG
(TIMBALAN KETUA MENTERI 2)

VIJAY PILLAY A/L RAVICHANDRAN
N22 TANJONG BUNGA

MUHAMMAD AMIR GANNY
N16 PERAI

SIDANG MUDA
PULAU PINANG

NG CHUN WEI
N18 BUKIT TAMBUN

KOK BOON CHEN
N11 PERMATANG PASIR

SYAMIMI ROSLI
N40 TELOK BAHANG

MOHAMAD DANISH BIN MOHD AMIRRUDIN
N01 PENAGA

TAN WEI SIANG
N08 BAGAN JERMAL
(TIMBALAN KETUA MENTERI 1)

CHANG ZHAO XUAN
N07 SUNGAI PUYU

NG ZHEN FENG
N34 PAYA TERUBONG

TAN CHOR LIM
N27 PENGKALAN KOTA

HUSNA BINTI ROSLI
N33 AIR ITAM

OOI MEI MEI
N02 BERTAM

JACK MOOI
N04 PERMATANG BERANGAN

HONG JIA HERH
N29 DATOK KERAMAT

K. MUKESH KUMAR
N13 BERAPIT

RAYMOND PHANG KAR GHEE
N05 SUNGAI DUA

DHURGESSWARAN A/L VEERAN
N21 SUNGAI ACHEH

J. KAREN KASTURI
N15 PADANG LALANG
(KETUA MENTERI)

TAN JIA YI
N26 PADANG KOTA

TIMBALAN SETIAUSAHA DUN

SETIAUSAHA DUN

YANG DI-PERTUA DEWAN
YB. DATO' LAW CHOO KIANG

PENANG 2030

YOUTH FOR FUTURE

Jawatankuasa Sidang Muda 2021

Pengerusi Ahli Jawatankuasa

YB. Soon Lip Chee

Ahli Jawatankuasa

YB. Daniel Gooi Zi Sen

YB. Kumaresan a/l Aramugan

YB. Satees Muniandy

YB. Syerleena binti Abdul Rashid

YB. Lee Khai Loon

Dr. Mohamad Shaharudin Samsurijan

Dr. Nur Ajrun Khalid

Penghargaan

YAB. Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

YB. Dato' Law Choo Kiang
Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

YB. Steven Sim Chee Keong
Ahli Parlimen Bukit Mertajam

YB. Chris Lee Chun Kit
ADUN Pulau Tikus

YB. Daniel Gooi Zi Sen
ADUN Pengkalan Kota

YB. Syerleena binti Abdul Rashid
ADUN Seri Delima

YB. Lee Khai Loon
ADUN Machang Bubuk

Pn. Rahaya Baharin
Pengasas Bersama Parti Muda dan Buku Jalanan Chow Kit

En. Mohamad Radzi bin Razmi
Pembantu Tadbir Kanan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Pulau Pinang

































